

18 JUL 2000

NATIONAL-PAMERAN/I

NATIONAL PANASONIC JANGKA JUALAN BERNILAI RM30 JUTA DARIPADA PAMERAN

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- National Panasonic (Malaysia) Sdn Bhd menjangkajab dapat meraih jualan susulan bernilai antara RM30 juta dan RM40 juta semasa Pameran Komunikasi dan Multimedia atau Comm-X 2000 yang akan dianjurkannya.

Pengarah bersekutu Bahagian Sistem Perniagaan National Panasonic Jimmy Yaw Chai Giap berkata syarikat itu juga menjangka jualan segera di antara RM2 juta dan RM3 juta semasa acara enam hari itu yang bermula hari ini.

"Dengan tempoh pameran yang lebih lama, kami seharusnya dapat menarik lebih banyak tokoh korporat untuk menyertai acara ini," beliau memberitahu pemberita selepas pembukaan Comm-X 2000 hari ini. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan pameran itu.

Ini adalah kali ketiga National Panasonic menganjurkan acara yang memaparkan produk-produk teknologi tinggi Panasonic untuk menyediakan terutamanya bagi keperluan perniagaan.

Pada acara tahun lalu, National Panasonic memperolehi RM20 juta dalam jualan susulan, kata Yaw.

Beliau juga berkata National Panasonic menjangka penyertaan tahun ini akan berganda daripada tahun lalu yang mencatat kira-kira 4,500 pengunjung korporat dan kerajaan.

Sementara itu, Bunroku Morioko, pengarah urusan National Panasonic berkata, Comm-X 2000 adalah lebih besar dan memperagakan lebih banyak produk yang mengkagumkan bagi para pelawat daripada dua pameran yang lalu.

Sebahagian daripada produk yang dipamerkan telahpun berada di pasaran manakala beberapa produk akan diperkenalkan di masa akan terdekat, katanya.

"Kami mahu memaparkan produk-produk terbaik kami untuk menunjukkan bahawa kami amat serius dalam produk-produk perniagaan," katanya.

Antara produk-produk yang dipamerkan adalah papan elektronik atau Panaboard yang mampu menyatukan dan mengantara muka dengan PC dan pencetak dan Digital Multi-Function Product atau MFP, penyalin kertas biasa yang juga merupakan mesin faksimili, pencetak dan pengimbas dan juga dapat berangkai dengan sistem komputer.

Mengenai pelawaaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Matsushita of Japan memainkan peranan yang lebih besar dalam Koridor Raya Multimedia, Yaw percaya Matsushita akan menimbangkan permintaan itu dengan sewajarnya.

-- BERNAMA

LES LPS OS